

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian Online

TARIKH : Isnin, 30 Mac 2015

Hari Pustakawan Kebangsaan setiap 6 Jun

30 Mac 2015



• Perpustakaan Negara Malaysia

KUALA LUMPUR - Tarikh 6 Jun setiap tahun kini diisytiharkan sebagai Hari Pustakawan Peringkat Kebangsaan.

Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) Dr. Nor Edzan Che Nasir berkata, sambutan hari berkenaan adalah sebagai penghormatan kepada semua pustakawan di negara ini dalam usaha menyuburkan keilmuan dalam kalangan masyarakat.

"Dalam perjumpaan dengan "Library Association of Singapore" (LAS) baru-baru ini juga, mereka turut bersetuju untuk menamakan 6 Jun sebagai Hari Pustakawan Peringkat Kebangsaan di negara mereka," katanya.

Nor Edzan berucap pada Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pustakawan Malaysia bagi tahun 2014 dan 2015 di Perpustakaan Negara Malaysia, hari ini.

Beliau berkata, ketika ini terdapat 400 ahli PPM di seluruh negara.

"Secara peribadi, saya memohon semua ahli mengajak pustakawan yang mereka

kenal untuk menjadi ahli.

"Saya pasti dengan bilangan ahli yang tinggi, kita boleh sama-sama berjuang untuk memajukan profesion kita dan meletakkannya sebaris dengan profesion lain," katanya. - Bernama